DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PENANGPORT
A Member of MMC Group

PENANG PORT SDN. BHD. beraspirasi untuk mencapai prestasi tertinggi dari segi keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta terus mempertahankan perkara-perkara berikut:

- Pencegahan kecederaan tempat kerja dan risiko kesihatan di kalangan pekerja, pelanggan, pengguna pelabuhan, pelawat, pihak berkepentingan, orang awam dan orang lain yang akan terjejas disebabkan oleh aktiviti Penang Port termasuk pencegahan kerosakan atau kehilangan harta benda, alam sekitar, dan peralatan;
- Senantiasa berusaha mencapai sasaran " KEMALANGAN SIFAR" pada setiap masa;
- Memastikan objektif keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) yang tepat adalah wajar dan boleh dicapai;
- Memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan, dan keperluan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- Mengenalpasti penilaian risiko dan menetapkan hierarki kawalan yang tepat untuk menghapuskan atau mengurangkan risiko secara sistematik ke aras yang serendah yang boleh dicapai secara praktikal;
- Memupuk tabiat dan memberi pendedahan kepada semua kakitangan berkenaan tatacara mengenalpasti bahaya secara sistematik, penilaian risiko serta memperkasakan kebolehan berkomunikasi tentang perkara-perkara berkaitan keselamatan dan kesihatan;
- Peningkatan berterusan standard keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) dengan menerapkan amalan terbaik melalui sistem pengurusan OSH.
- Memupuk penyertaan dan rundingan secara aktif di kalangan pekerja dan pihak berkepentingan melalui platform dan program yang relevan untuk memastikan dasar tetap signifikan, sesuai dan berkesan;

SASEDHARAN VASUDEVAN
Ketua Pegawai Eksekutif
Penang Port Sdn.Bhd
10 Ogos 2020



Revision 03